



SIARAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

**CITRAWARNA@KUALA LUMPUR 2015**  
***Persembahan Unik Budaya Malaysia***

**KUALA LUMPUR, 17 Oktober 2015** – Warisan seni budaya rakyat dan kepelbagaian produk pelancongan Malaysia mewarnai Citrawarna@Kuala Lumpur 2015 yang berlangsung di Dataran Merdeka pada malam ini.

Objektif penganjuran Citrawarna@Kuala Lumpur adalah untuk menjenamakan Kuala Lumpur bahkan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama yang mempunyai kepelbagaian produk pelancongan dan kebudayaan.

Menampilkan kelainan berbanding tahun-tahun sebelumnya, Citrawarna@Kuala Lumpur 2015 berkonsepkan arena konsert dan pementasan teater terbesar melibatkan lebih 600 orang artis tari, pemuzik dan penggiat budaya dari seluruh pelosok tanah air. Bertemakan '*Culture, Nature, Future*' hasil sentuhan kreatif Puan Sri Tiara Jacquelina yang tidak asing lagi dalam industri seni tanah air, Citrawarna@Kuala Lumpur 2015 adalah sesuatu yang cukup mengujakan.

Memasuki tahun ke-16 penganjurannya, seramai 50,000 orang pengunjung dijangka hadir memeriahkan Citrawarna pada tahun ini termasuklah 125 orang delegasi media asing dan ejen pelancongan menerusi program *Mega Familiarisation (MegaFam)* oleh Tourism Malaysia melibatkan 18 buah negara iaitu Singapura, Brunei, Indonesia, Kemboja, Thailand, Filipina, Myanmar, Laos, Vietnam, China, Hong Kong, Jepun, Korea, India, Nepal, Mauritius, Jerman dan juga Kazakstan.

Persembahan awalan (*pre-show*) yang bermula seawal jam 6.30 petang menampilkan pementasan teater *MUD: Our Story of Kuala Lumpur* yang mengangkat kisah dan sejarah bandaraya Kuala Lumpur. Seterusnya bagi persembahan penutupan (*post-show*) melibatkan pula persembahan mantap artis terkenal tanah air menerusi *Tribute to Wings* oleh Awie, Ella, Jaclyn Victor, Amelina dan One Nation Emcees.

**MALAYSIA TOURISM PROMOTION BOARD**

(MINISTRY OF TOURISM & CULTURE, MALAYSIA)

No. 2, Tower 1, Jalan P5/6, Precinct 5, 62200 Putrajaya, Malaysia

Tel: +603 8891 8000; <http://www.tourismmalaysia.gov.my>

[www.facebook.com/friendofmalaysia](http://www.facebook.com/friendofmalaysia); [twitter.com/tourismmalaysia](https://twitter.com/tourismmalaysia); [blog.tourism.gov.my](http://blog.tourism.gov.my)



Selain itu, persembahan sampingan lain turut melibatkan pengacara popular negara, Aznil Hj. Nawawi dan juga Altimet. Bahkan terdapat juga pertunjukan fesyen rekaan pereka terkenal tanah air yang tidak asing lagi seperti Melinda Ooi, Zang Toi, Rizman Ruzaini, Zery Zamry dan juga Rubaq Batik.

Pelbagai aktiviti menarik dan santai menerusi MyFest Chillax Zone yang bermula sejak petang semalam semestinya memeriahkan lagi Citrawarna@Kuala Lumpur 2015. Antara aktiviti-aktiviti menarik termasuklah *Graffiti Live Demo, Chalk Art Demo, Skateboard Demo & Clinic, Coffee Session by Achtung! Coffee, Food Truck Fiesta*, Pertandingan *Cosplay* serta persembahan *buskers*.

Menerusi inspirasi sejarah Malaysia, salah satu elemen unik yang bakal ditonjolkan adalah replika Balairong Seri dan Singgahsana yang menjadi simbolik kedaulatan dan pemerintahan Raja-raja Melayu sejak sekian lama. Berlatarbelakangkan Bangunan Sultan Abdul Samad, gemerlapan lampu, rona warna dan keunikan seni reka bentuk ini menjadikan Citrawarna@Kuala Lumpur 2015 sebagai extravaganza budaya terlung di Malaysia.

## TAMAT

*Untuk mendapatkan siaran media, media info dan artikel berkaitan industri pelancongan di Malaysia, sila lawati Pusat Media di laman web Tourism Malaysia di <http://www.tourismmalaysia.gov.my/>.*

**LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA ATAU TOURISM MALAYSIA** ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Tourism Malaysia bertanggungjawab untuk mempromosikan Malaysia di semua peringkat. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah membangun dengan pesatnya dan telah muncul sebagai pemain utama dalam dunia pelancongan antarabangsa. Pada 2014, Malaysia telah mencatatkan kedatangan seramai 27.4 juta orang pelancong asing dengan pendapatan pelancong sebanyak RM72 bilion sekaligus menjadikan pelancongan sebagai penyumbang kedua terbesar negara menerusi tukaran mata wang asing.

Malaysia telah menyambut Tahun Melawat Malaysia (TMM) buat kali keempat pada 2014 dengan tema *Celebrating 1Malaysia Truly Asia*". Promosi negara diteruskan dengan penganjuran Tahun Festival Malaysia (MyFest) pada 2015 dengan tema "Endless Celebrations" yang menekankan kepada pelbagai festival yang disambut oleh masyarakat yang berbilang bangsa. Kedua-dua kempen ini menjadi pemacu ke arah mencapai sasaran ketibaan seramai 36 juta pelancong dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM168 bilion pada 2020, berdasarkan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

## MALAYSIA TOURISM PROMOTION BOARD

(MINISTRY OF TOURISM & CULTURE, MALAYSIA)

No. 2, Tower 1, Jalan P5/6, Precinct 5, 62200 Putrajaya, Malaysia

Tel: +603 8891 8000; <http://www.tourismmalaysia.gov.my>

[www.facebook.com/friendofmalaysia](http://www.facebook.com/friendofmalaysia); [twitter.com/tourismmalaysia](https://twitter.com/tourismmalaysia); [blog.tourism.gov.my](http://blog.tourism.gov.my)



Melalui NKEA, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah mempertingkatkan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta untuk memantapkan kedudukan negara sebagai destinasi pelancong antarabangsa yang terkemuka. Sasaran yang telah ditetapkan di bawah NKEA Pelancongan akan tercapai melalui pelaksanaan 12 Projek Permulaan (EPPs) yang merangkumi lima tema: Kembara Mewah Mampu Milik; Kembara Alam Semula Jadi; Keseronokan Seisi Keluarga; Acara, Hiburan, Spa dan Sukan; dan Pelancongan Perniagaan.

**Hubungi:**

**Unit Perhubungan Media:**

Cik Chresentia F.B. Sadatal, Penolong Pengarah, Bahagian Komunikasi Korporat

Tel: +603-8891 8776

Emel: [chresentia@tourism.gov.my](mailto:chresentia@tourism.gov.my)

**Unit Editorial:**

Puan Anis Rozalina Ramli, Senior Editor, Bahagian Komunikasi Korporat

Tel: +603-8891 8759

Emel: [anisramli@tourism.gov.my](mailto:anisramli@tourism.gov.my)

**MALAYSIA TOURISM PROMOTION BOARD**

(MINISTRY OF TOURISM & CULTURE, MALAYSIA)

No. 2, Tower 1, Jalan P5/6, Precinct 5, 62200 Putrajaya, Malaysia

Tel: +603 8891 8000; <http://www.tourismmalaysia.gov.my>

[www.facebook.com/friendofmalaysia](http://www.facebook.com/friendofmalaysia); [twitter.com/tourismmalaysia](https://twitter.com/tourismmalaysia); [blog.tourism.gov.my](http://blog.tourism.gov.my)

